

09/01/2003

Lim boleh bertanding di Pahang

KUANTAN: Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek boleh bertanding pada pilihan raya umum akan datang di Pahang jika mendapat keizinan daripada pucuk pimpinan MCA dan Barisan Nasional (BN).

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata BN Pahang bersikap terbuka untuk menerima Lim ke negeri ini jika hasratnya untuk bertanding mendapat kebenaran.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan BN negeri berkata, Lim juga boleh bertanding di mana-mana kawasan yang diinginkannya sama ada di Bentong, Raub atau Kuantan.

"Sebenarnya, jika Lim mahu balik bertanding di sini, kita mengalu-alukannya tetapi ia terpulang kepada pucuk pimpinan MCA dan BN untuk menentukannya.

"Jika Lim dapat keizinan daripada MCA dan BN, kita terima kedatangannya dengan terbuka. Dia boleh bertanding di mana saja yang dia pilih sama ada Bentong, Raub atau Kuantan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini semalam.

Adnan berkata, ulasannya mengenai kesediaan menerima Lim bertanding di Pahang, bukan untuk mencampuri urusan MCA.

Sementara itu, Adnan enggan mengulas mengenai hasrat peletakan jawatan Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik daripada Kabinet, kelmarin.

"Ini urusan MCA. Saya tidak mahu mencampuri urusan parti lain. Di Pahang, keadaan politik stabil termasuk Umno, MCA, Gerakan dan MIC," katanya.

Akhbar melaporkan Dr Ling mengumumkan peletakan jawatannya daripada Kabinet dan surat peletakan jawatan itu dihantarnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 15 Ogos lalu.